

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan  
[ Parit ]**

**TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN : (Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan)  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-**

bilakah permohonan untuk memasukkan kawasan bendang seluas 3,000 ekar dalam kawasan Parlimen Parit dapat dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam skim Perairan Seberang Perak

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, kawasan penanaman padi di Parlimen Parit adalah di bawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran susulan kawasan ini merupakan kawasan luar jelapang. Peruntukan pembangunan dari Kementerian Pertanian disalurkan terus kepada jabatan-jabatan tersebut bagi melaksanakan projek-projek pembangunan padi di kawasan Parlimen Parit.

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran SSL padi Negara, pihak Kementerian berpandangan cadangan meletakkan kawasan padi di Parlimen Parit ini adalah amat baik memandangkan IADA yang ditubuhkan mempunyai kepakaran khusus dalam sektor pembangunan tanaman padi.

Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan. Ini bagi memastikan tiada perancangan pembangunan lain yang telah dirancang di kawasan penanaman padi terbabit.